

Barat tidak

P

Oleh Kamal Ahmad B.H - 6 APR 1992

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegagalan Mesyuarat Jawatankuasa Persiapan (PrepCom) bagi Sidang Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar (Unced) di New York yang berakhir kelmarin, adalah bukti negara maju tidak ikhlas menyelesaikan masalah alam sekitar.

Menurutnya, Malaysia sudah menjangka tidak ada keikhlasan daripada negara Barat yang kaya menyelesaikan masalah alam sekitar.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengulangi kenyataan Malaysia belum mempunyai alasan untuk menghadiri Unced di Rio de Janeiro, Brazil, Jun depan.

"Pada masa ini, kita tidak ada alasan menghadiri Unced kerana kita dapati mereka (negara maju) tidak jujur dan tidak memberi jaminan akan mematuhi keputusan yang akan dibuat oleh Unced," katanya kepada pemberita selepas majlis rumah terbuka di kediamannya di Seri Perdana, sempena Aidilfitri, hari ini.

Menerusi PrepCom, Malaysia berjaya mengubah pendirian lebih 1,000 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di seluruh dunia yang sebelum ini menentang perjuangan negara mengenai isu alam sekitar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Law Hieng Ding, ketika ditemui semalam berkata, sokongan itu diperolehi hasil penjelasan delegasi Malaysia diketuai Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri

Tan Sri Razali Ismail, serta pegawai kanan beberapa kementerian.

Dr Mahathir menegaskan, Malaysia akan mengemulangi pandangan dan pendirian semua negara membangun dalam Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di ibu negara, akhir bulan ini, supaya mereka tidak ditindas negara maju dalam menangani masalah alam sekitar.

Mesyuarat empat hari yang berlangsung 26 April itu akan dihadiri Menteri Alam Sekitar dan Pembangunan dari 52 negara, termasuk tujuh negara maju. Ia akan membincangkan 10 masalah utama berkaitan alam sekitar yang dihadapi bersama.

Dr Mahathir menegaskan, kegagalan negara maju bersaing dengan bimbingan Malaysia menyebabkan mereka mendesak dan melancarkan tindakan militan terhadap negara ini, kebelakangan ini.

Menurut Perdana Menteri, antara tindakan militan ialah melancarkan pelbagai kempen, termasuk kempen antikayu tropika dan antiminyak kelapa sawit, dengan alasan penebangan kayu tropika serta penanaman pokok kelapa sawit mencemarkan alam sekitar.

"Sebenarnya, desakan mereka berasaskan ekonomi. Apabila mereka tidak mampu bersaing dengan kita, mereka akan menggunakan alam sekitar sebagai cara memburukkan nama Malaysia.

"Umpamanya, negara

LIHAT MUKA 2

IKHLAS: PM

Malaysia sedia hadapi trend militan Barat

DARI MUKA 1

yang mengeluarkan minyak mendakwa penanaman pokok kelapa sawit mencemar alam sekitar. Tetapi, sebenarnya minyak kelapa sawit boleh diproses menjadi plastik yang mudah reput sedangkan plastik daripada minyak petroleum tidak boleh reput sama sekali.

"Perkara yang sama juga berlaku pada kayu tropika Malaysia. Mereka meminta pokok hutan tropika jangan ditebang kerana mereka mahu menjual kayu daripada pokok yang mereka tanam," katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, beliau tidak hairan dengan tindakan seorang Senator Amerika Syarikat memperkenalkan satu rang undang-undang mengurangkan penebangan kayu hutan tropika di Sarawak.

Menurutnya, Malaysia akan terus menghadapi trend baru Barat yang le-

bih militan pada masa akan datang dalam pelbagai bentuk.

"Inilah sifat mereka. Pada masa depan, kita akan terus hadapi masalah kuasa dunia yang berpendapat mereka adalah polis bagi dunia dan kalau mereka anggap sesiapa salah, mereka akan mengambil tindakan," katanya.

Senator Al Gore dari Tennessee dilaporkan sebagai mahu Kerajaan Malaysia mengurangkan penebangan balak di Sarawak sebanyak dua pertiga dan memperakukan hak kaum asli di sana.

"Apa yang kita boleh buat, dia hendak buat Bill di negeri dia. Itu hak dia," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir menegaskan, tindakan seorang aktivis, Bruno Manser menghasut kaum Penan di Sarawak menyebabkan kaum asli di pedalaman Sarawak itu golongan militan dan ti-

dak lagi menghormati undang-undang negara.

"Orang Penan adalah orang yang tidak suka berkelahi dengan orang lain, tetapi di bawah ajaran Bruno Manser, mereka menjadi begitu militan sehingga tidak menghormati undang-undang negara," katanya.

"Saya menerima surat daripada Manser yang berkata saya perlu bertanggungjawab jika terjadi apa-apa kepada kaum Penan tetapi saya jawab, dia mestilah bertanggungjawab jika sesuatu berlaku kepada kaum Penan kerana dia yang menghasut," katanya.

Manser, seorang warganegara Switzerland, pernah tinggal bersama kaum Penan di hutan selama beberapa tahun dan menghasut mereka mengadakan sekatan menghalang penebangan balak di kawasan tertentu di Sarawak.